



JAWATANKUASA TETAP
PENDIDIKAN NEGERI SELANGOR

RANCANGAN STRATEGIK

PENDIDIKAN NEGERI SELANGOR
2023 - 2030

SELESTARI
2023 - 2030
SELANGOR STRATEGIC EDUCATION PLAN



PENERAJU UTAMA:



The logo for SELESTARI 2023 - 2030. It features the word "SELESTARI" in a large, bold, red sans-serif font. The "SE" is stylized with a yellow and red geometric pattern. Below "SELESTARI" is the text "2023 - 2030" in a smaller, black sans-serif font. At the bottom, the full name "SELANGOR STRATEGIC EDUCATION PLAN" is written in a small, black, all-caps sans-serif font.

SELESTARI

2023 - 2030

SELANGOR STRATEGIC EDUCATION PLAN

2	AMANAT	29	MODEL STRATEGIK SELESTARI 2023 - 2030
4	KATA ALUAN	30	KERANGKA RANCANGAN STRATEGIK
6	PRAKATA	31	MATLAMAT
8	PROLOG	38	STRATEGI
9	RINGKASAN EKSEKUTIF	44	PELAN TINDAKAN
10	Pengenalan	50	RINGKASAN RANCANGAN STRATEGIK
13	VISI DAN MISI	51	TERMA RUJUKAN
16	MOTO, FALSAFAH, TEMA DAN NILAI	52	EPILOG
		55	GLOSARI

AMANAT

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Pasca pandemik COVID-19, pelbagai perkara yang telah kita pelajari. Pelbagai rintangan telah kita lalui bersama. Hari ini, kita menyedari betapa pentingnya membina generasi dan komuniti yang cekal, yang resilient, yang mampu mengharungi cabaran, dan mampu mengadaptasi kepada cabaran-cabaran yang bakal dihadapi negara serta dunia di luar sana. Kesemua ini kembali kepada asas pendidikan.

Keperluan ekonomi hari ini dan yang akan datang memerlukan generasi yang bukan sahaja mahir aspek teori, tetapi mampu menggarap dan menentukan masa depan dengan membina kapasiti yang spesifik. Kemajuan sains dan teknologi membuka era dan peluang baharu dan menjadi tanggungjawab dalam sistem pendidikan untuk menyediakan generasi muda dengan pelbagai pengetahuan dan kemahiran supaya mereka sentiasa bersedia untuk menghadapi dunia sebenar sejourus melangkahi alam dewasa.

Justeru, dalam usaha menyediakan pendidikan yang cekal dan kaya dengan mutu, landskap pendidikan negeri Selangor telah dengan diteliti dengan menyeluruh untuk memperkasakan perancangannya.

Setinggi-tinggi penghargaan dan syabas kepada Jawatankuasa Tetap Pendidikan Negeri Selangor dan Yayasan Selangor atas mandat yang diberikan sebagai 'Lead Agency' kerana menampilkan kemampuan untuk melaksanakan tanggungjawab ini.

Kini tiba masanya untuk memastikan segala program dan inisiatif yang disusun sering kali diteliti dan diadaptasi mengikut respon generasi muda dan penerima agar mencapai matlamat. Ini amat penting kerana merekalah antara pemangkin utama untuk merealisasikan visi Selangor sebagai sebuah Negeri Pintar, Berdaya Huni, dan Makmur selepas segala usaha yang diikhtiarkan dalam Rancangan Selangor Pertama direalisasikan.

Rancangan Strategik Pendidikan Negeri Selangor (SELESTARI) telah disusun atur bagi memperbaiki, memantap dan meningkatkan kualiti pendidikan di negeri Selangor agar selaras dengan perubahan sosialisasi masyarakat masa kini. Bagi mengukuhkan kenyataan ini, punca-punca yang menunjangi masalah ini perlu diperinci demi kebaikan bersama, selain daripada menyediakan peluang pendidikan yang sama kepada semua peringkat umur tanpa mengira budaya, kelas sosial, serta kumpulan etnik.

Perancangan ini menjadi titik tolak kepada pelbagai cabaran dan rintangan yang akan menghambatkan jihad perjuangan ini dan saya berharap nilai-nilai yang menjadi asas kepada Rancangan Strategik Pendidikan Negeri Selangor mampu berdiri teguh didokong sepenuhnya oleh pelaksana di sektor awam, pemegang taruh industri serta dalam kalangan rakyat.

Perancangan ini juga memerlukan proses pemikiran dan perbincangan yang mendalam dan kami daripada barisan kepimpinan negeri berharap ketua dan ahli setiap kluster dapat mencungkil nilai-nilai murni yang mampu menyemai semangat serta akhlak, menyatupadu dan mewujudkan kebersamaan daripada peringkat pentadbiran sehinggalah ke peringkat akarumbi dalam melaksanakan serta menjayakan rancangan SELESTARI ini nanti. Sejajurnya, kami dengan sepenuh hati menyokong usaha murni ini demi mencapai pelaksanaan yang tersusun, sistematik, harmoni, produktif dan berkesan.

Akhir kata, saya berharap semua pihak yang berkepentingan bersedia untuk menzahirkan komitmen serta dedikasi yang tidak berbelah bagi dalam menempa kejayaan cemerlang rancangan SELESTARI ini. Usaha ini pasti akan membuahkan hasil apabila kita melaksanakan pelbagai langkah efektif dan tuntas dalam menangani sebarang masalah dan cabaran. Marilah kita bersama-sama memberikan sokongan yang terbaik kepada usaha murni dan terpuji ini, kerana rancangan ini berpotensi untuk membawa membina generasi Selangor yang gemilang.
#KitaSelangor

**YAB DATO' SERI
AMIRUDIN BIN SHARI
DATO' MENTERI BESAR SELANGOR
MERANGKAP Pengerusi
JAWATANKUASA TETAP PENDIDIKAN
NEGERI SELANGOR**



KATA ALUAN

Ahamdulillah, segala puji bagi Allah SWT kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya hala tuju Rancangan Strategik Pendidikan Negeri Selangor dapat diterjemahkan dengan penghasilan rangka tindakan SELESTARI. Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa Tetap Pendidikan Negeri Selangor merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada YAB Dato' Menteri Besar Selangor, Yayasan Selangor dan Pasukan Kluster atas dedikasi dan kerjasama yang tidak berbelah bagi dalam memastikan rancangan strategik ini dapat direalisasikan sekaligus memberi manfaat yang signifikan serta menyeluruh kepada komuniti dan rakyat negeri Selangor secara khususnya dan penduduk Malaysia secara amnya.

Meskipun Rancangan Strategik Pendidikan Negeri Selangor ini merangkumi pelan tindakan yang dilanjutkan sehingga tahun 2025, aspirasi kami adalah untuk memproses, membina sistem, budaya, modal insan dan strategi-strategi yang kita bina ini dapat melangkaui Rancangan Selangor Kedua (2026 – 2030). Hal ini adalah untuk memastikan kelancaran kesinambungan dalam perancangan dan pelaksanaan strategi jangka pendek, sederhana dan jangka panjang dengan lebih berkesan. Kami dapat melihat dan menilai bahawa setiap kluster telahpun terlibat dalam perbincangan berkaitan pengurusan pendidikan individu secara holistik dan sepanjang hayat, daripada lahir hinggalah ke akhir hayat. Insya-Allah, dengan idea dan perspektif yang progresif, kami berhasrat untuk melahirkan Rancangan Strategik Pendidikan

yang komprehensif dan menyeluruh bagi memenuhi keperluan rakyat negeri Selangor.

Setelah meneliti dan mengkaji sehingga ke akar umbi, lima nilai teras utama menjadi tunjang kepada perancangan strategik ini iaitu 'KerjaSama', 'KoMitmen', 'InovAsi', 'PRihatin' dan 'InTegriti' atau S.M.A.R.T. Kami percaya, nilai teras utama ini menjadi asas dan penggerak di sebalik perpaduan dan kesatuan kita dalam melaksanakan Rancangan Strategik Pendidikan Negeri Selangor. Secara tuntasnya, nilai S.M.A.R.T ini mampu memurnikan institusi, landskap dan ekosistem pendidikan negeri Selangor.

Inisiatif strategik ini menunjukkan kerajaan negeri komited untuk merangka pelan tindakan bagi tujuan rujukan, panduan dan penanda aras kepada agensi pelaksana, badan sokongan dan pihak berkepentingan. Hal ini bertujuan untuk melaksanakan program dan mencari pendekatan berkesan yang merangkumi kepentingan ekonomi, teknologi, nilai moral, serta kerohanian kepada kesejahteraan masyarakat.

KATA ALUAN

Berdasarkan realiti ini, telah menjadi tanggungjawab kita bersama dalam usaha untuk menyampaikan persefahaman dan perpaduan ini secara berkesan kepada semua kakitangan dalam sektor pendidikan negeri, institusi dan agensi kerajaan, industri utama dan setiap lapisan masyarakat.

Akhir kata, dengan pelaksanaan SELESTARI, saya doakan agar segala inisiatif yang bertujuan memacu Rancangan Strategik Pendidikan Negeri Selangor dapat dinikmati setiap lapisan masyarakat, sekaligus membantu memenuhi serta menangani cabaran era modenisasi masa kini dalam menuju ke arah 'Selangor Negeri Pintar'.

**YANG BERBAHAGIA
DATO' JOHARY BIN ANUAR**
TIMBALAN SETIAUSAHA
KERAJAAN (PEMBANGUNAN)
MERANGKAP PENGARAH
UNIT PERANCANG EKONOMI
NEGERI (UPEN) SELANGOR



PRAKATA

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera,

Rancangan Strategik Pendidikan Negeri Selangor atau SELESTARI, berfungsi sebagai pelan hala tuju penting bagi seluruh pemegang taruh di negeri ini. Rancangan ini bertujuan untuk memperkasakan sistem pendidikan yang berfokus, bersistematik, terancang dan dilengkapi dengan mekanisme yang mantap untuk menilai kedua-dua pelaksanaan dan impak daripada pencapaiannya. Pendidikan di Selangor mengalami kemajuan pesat, sejajar dengan statusnya sebagai negeri maju yang mempunyai infrastruktur pendidikan yang mantap dalam negara. Sejalan dengan kemajuan sistem multimedia dan teknologi digital, institusi pendidikan di Selangor berkembang pesat, menawarkan saluran dan sumber yang diperluaskan untuk penduduk Selangor bagi meneruskan aspirasi pendidikan mereka. Selangor menjadi tumpuan utama, bukan sahaja dalam bidang kemajuan ekonomi, sosial dan teknologi, tetapi juga dalam sektor pendidikan yang pesat membangun selaras dengan dasar negeri yang progresif. Dalam landskap dinamik ini, dasar dan transformasi dalam sektor pendidikan amat penting, bukan sahaja dalam mewujudkan infrastruktur pendidikan yang luar biasa, tetapi juga dalam menyediakan prasarana pendidikan yang baik dan memastikan peluang pendidikan yang saksama untuk individu dari semua peringkat umur di seluruh Selangor.

Selangor, sebagai sebuah negeri yang maju di Malaysia, bergerak secara efisien dalam menyediakan agenda pendidikan berkualiti tinggi yang sejajar dengan objektif yang ditetapkan oleh wawasan kerajaan negeri untuk menjadi Negeri Pintar. Disebabkan keunggulan industrinya, Selangor telah menarik kemasukan penduduk yang ketara ke Lembah Klang. Selaras dengan prinsip panduan P.I.N.T.A.R (Pendidikan Insaniah, Nadi Transformasi, Aspirasi Realistik), kepimpinan kerajaan negeri dan barisan pelaksana berdedikasi memberikan perkhidmatan terbaik kepada pelanggan masing-masing. Usaha kolektif ini dicerminkan dalam visi pendidikan negeri Selangor untuk mencapai Pendidikan Berkualiti Sepanjang Hayat, Institusi Unggul dan Modal Insan Holistik.

PRAKATA

Bagi memastikan pelaksanaan semua program pendidikan yang direncanakan ini berjalan dengan lancar, Yayasan Selangor dengan kerjasama barisan kepimpinan kerajaan negeri, komited menyokong inisiatif murni ini. Aspirasi ini adalah untuk merealisasikan visi, misi dan matlamat yang digariskan dalam Rancangan Strategik Pendidikan Negeri Selangor dan seterusnya, dalam Rancangan Selangor Pertama.

Sebagai penutup, marilah kita bersatu dan berganding bahu dalam merangkul gerakan transformatif ini serta meletakkan sektor pendidikan negeri pada kedudukan yang sewajarnya. #SelangorMajuBersama.

EDDIE BIN AHMAD KHODZALI FCMA, CGMA
KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF
YAYASAN SELANGOR



PROLOG

Landskap pendidikan yang berkembang di peringkat nasional dan antarabangsa telah banyak mempengaruhi pembangunan ekosistem pendidikan di Selangor. Dalam mengharungi cabaran yang ditimbulkan oleh anjakan sosioekonomi, globalisasi, Revolusi Perindustrian Keempat (IR4.0) dan impak pandemik COVID-19, kajian semula hala tuju pendidikan di Selangor adalah penting bagi membangunkan strategi penyesuaian supaya Selangor mampu kekal sebagai hab pentadbiran pendidikan yang relevan dan maju ke hadapan, serta lengkap dalam menghadapi tuntutan zaman moden yang sentiasa berkembang.

Pendidikan negeri Selangor dicirikan oleh pendekatan proaktif, kepekaan terhadap perubahan yang berterusan dan jangkaan perkembangan masa depan. Tindakan awal perlu direncana untuk menjadikan pendidikan di negeri Selangor sebagai teras utama pembangunan dan pilihan terbaik masyarakat tempatan dan global. Justeru, pemahaman dan pembudayaan **S.M.A.R.T** dan **SELESTARI** dalam kalangan rakyat membantu mempertingkatkan kecekapan dan keberkesanan pelaksanaan secara komprehensif dan holistik.



RINGKASAN EKSEKUTIF

Rancangan Strategik Pendidikan Negeri Selangor, juga dikenali sebagai *Selangor Strategic Education Plan (SELESTARI) 2023-2030* merupakan pelan utama bagi seluruh warga Selangor dalam memacu kemajuan pendidikan dengan memfokuskan kepada kualiti, perancangan sistematik dan impak yang lebih luas.

Walaupun strategi dan pelan tindakan ini memupuk perpaduan dan kerjasama, namun dari aspek pelaksanaan, setiap institusi dan agensi diberi kuasa dan budi bicara dalam membentuk program dan aktiviti yang sejajar dengan konteks dan tanggungjawab yang unik. SELESTARI 2023-2030 merupakan satu pendekatan inovatif yang baharu dalam penyampaian pendidikan berkualiti di semua institusi dan agensi pendidikan negeri Selangor.



PENGENALAN



Bermula dengan amanat YAB Dato' Menteri Besar Selangor, pengenalan tema SELESTARI 2023-2030 dengan pembentukan visi dan misi yang jelas, maka teretuskan pelan komprehensif bagi memperkasakan kecemerlangan pendidikan di seluruh negeri Selangor. Beberapa inisiatif diusulkan dalam usaha melahirkan pendidikan berkualiti melalui pendekatan model inovasi hibrid ekonomi pengetahuan yang melibatkan interaksi dalam badan kerajaan, institusi pendidikan, industri dan komuniti secara amnya. Usaha murni ini bertujuan untuk memacu perubahan positif serta membina ekosistem pendidikan yang holistik dan berkembang maju.

Kepimpinan dan pentadbiran kerajaan yang berkesan memerlukan pelbagai kompetensi, termasuk pemahaman mendalam tentang senario di peringkat global dan keupayaan untuk menyesuaikan diri dengan sewajarnya. Pendidik, dalam peranan mereka sebagai penyelidik dan pakar subjek, juga harus memiliki kemahiran literasi data yang kukuh. Selain itu, prinsip pendidikan sepanjang hayat mesti diamalkan agar pendemokrasian pendidikan dapat dijalankan tanpa mengira batasan umur.

Usaha kolektif ini diserlahkan dalam bentuk visi Pendidikan Negeri Selangor, yang dirangkumkan oleh tonggak 'Pendidikan Berkualiti, Institusi Unggul dan Modal Insan Holistik.' Oleh itu, setiap warga Selangor memainkan peranan penting dalam merealisasi agenda pembelajaran sepanjang hayat dan melahirkan modal insan berkualiti dengan minda kelas pertama.

KLUSTER

SELESTARI 2023-2030 merangkumi enam kluster utama dan kejayaan pelaksanaan setiap kluster bergantung pada nilai teras utama iaitu Kerjasama, Komitmen, Inovasi, Prihatin dan Integriti. Nilai-nilai ini membentuk asas yang wajar menjadi pegangan bersama dalam menempa laluan ke arah masa hadapan negeri pintar, berdaya huni dan makmur untuk landskap pendidikan Selangor.

- KLUSTER PENDIDIKAN AWAL, OKU & WARGA EMAS
- KLUSTER PENDIDIKAN RENDAH & MENENGAH
- KLUSTER PENDIDIKAN TINGGI
- KLUSTER PENDIDIKAN IKHTISAS
- KLUSTER PROGRAM SOKONGAN PENDIDIKAN
- KLUSTER DANA TAJAAN PENDIDIKAN



**KEMENTERIAN
PENDIDIKAN
MALAYSIA**

**PENDIDIKAN NEGERI
SELANGOR**

VISI

Pendidikan Berkualiti,
Insan Terdidik,
Negara Sejahtera

MISI

Melestarikan Sistem
Pendidikan Yang
Berkualiti Untuk
Membangunkan
Potensi Individu Bagi
Memenuhi Aspirasi
Negara

VISI

Pendidikan Berkualiti
Sepanjang Hayat,
Institusi Unggul,
Modal Insan Holistik

MISI

Penyampaian
Pendidikan Berkualiti
Sepanjang Hayat
Demi Menyediakan
Modal Insan
Membentuk Masa
Hadapan Negeri
Pintar, Berdaya Huni
dan Makmur

VISI DAN MISI

Visi Pendidikan Negeri Selangor

Pendidikan Berkualiti Sepanjang Hayat,
Institusi Unggul, Modal Insan Holistik

Misi Pendidikan Negeri Selangor

Penyampaian Pendidikan Berkualiti
Sepanjang Hayat Demi Menyediakan Modal
Insan Membentuk Masa Hadapan Negeri
Pintar, Berdaya Huni dan Makmur



RINGKASAN EKSEKUTIF

Pendidikan Berkualiti Sepanjang Hayat adalah proses pendemokrasian pendidikan yang merangkumi transformasi pengetahuan, kemahiran dan kemajuan secara berterusan tanpa mengira batasan umur.

Institusi Unggul meliputi sistem sokongan dan kebertanggungjawaban institusi dan agensi pendidikan dalam konteks menjana kelestarian hubungan strategik dan persekitaran pembelajaran berkondusif.

Modal Insan Holistik merangkumi aspek kompetensi diri, kerohanian dan keperibadian individu agar insan yang terdidik itu adalah insan yang berakhlak, mandiri dan berpegang kepada nilai-nilai yang baik.



PENERANGAN VISI DAN MISI

Visi dan Misi Pendidikan ini berfungsi sebagai kompas, memberikan panduan hala tuju yang jelas untuk rakyat Selangor mengutamakan, merangka strategi dan menilai keberkesanan kemajuan pendidikan di seluruh negeri Selangor.

Hasrat pendidikan negeri Selangor untuk menjadi hab pentadbiran pendidikan yang **“P.I.N.T.A.R : Pendidikan Insaniah, Nadi Transformasi, Aspirasi Realistik”** perlu diterjemahkan melalui tindakan yang jelas dalam menghasilkan impak bermakna.



MOTO, FALSAFAH, TEMA DAN NILAI

Moto

P.I.N.T.A.R

Pendidikan Insaniah, Nadi Transformasi, Aspirasi Realistik

Falsafah

SELESTARI 2023-2030 terbentuk hasil penelitian aspirasi, visi, misi, prinsip dan tema Rancangan Selangor Pertama melalui pendekatan model inovasi hibrid ekonomi pengetahuan yang berhasrat untuk mengintegrasikan interaksi dan tindakan kerajaan, institusi pendidikan, industri serta masyarakat dalam landskap ekosistem pendidikan negeri Selangor.

Tema

Sosial, Tadbir Urus dan Ekonomi

Nilai S.M.A.R.T pendidikan negeri Selangor

Kerja**S**ama, Ko**M**itmen, Inov**A**si, P**R**ihatin, In**T**egriti

13

MOTO, FALSAFAH

Prinsip Pendidikan Insaniah adalah satu mandat dan perjuangan di peringkat global dalam memastikan semua insan seluruh dunia mendapat hak pendidikan tanpa ada yang ketinggalan. Melalui prinsip pendidikan untuk semua, sektor pendidikan negeri Selangor berhasrat untuk membangunkan modal insan yang holistik dan lestari dari pelbagai aspek bagi membentuk masa hadapan negeri yang lebih cemerlang.

Oleh itu, pendidikan untuk semua harus merangkumi keseluruhan jangka hayat seseorang individu, bermula dari saat dalam kandungan sehingga akhir hayat. Selaras dengan wawasan ini, pendidikan negeri Selangor telah merangka dan menyusun Rancangan Strategik Pendidikan Negeri Selangor (SELESTARI) 2023-2030. Rancangan komprehensif ini mengintegrasikan strategi, inisiatif strategik, kerjasama sinergi dan tindakan bersepadu dalam kalangan badan kerajaan, institusi pendidikan, industri dan masyarakat dalam landskap pendidikan dan ekosistem negeri Selangor.



TEMA

Pendidikan di negeri Selangor merupakan asas untuk memupuk kehidupan manusia yang lebih sejahtera, meningkatkan taraf kehidupan yang lebih sempurna, memperkasakan kebijaksanaan pengurusan dalam pengendalian **ekonomi** diri dan keluarga, melahirkan kewibawaan **sosial** dalam hubungan sesama manusia serta keseimbangan **tadbir urus** yang memacu pembangunan negeri Selangor secara khususnya.



SOSIAL

Dari sudut **Sosial**, Selangor akan menjadi negeri unggul untuk didiami dengan menerapkan tahap kesejahteraan dan kebajikan bagi masyarakat yang lebih baik, seimbang dan inklusif. Segala usaha ini akan memberi impak yang positif kepada peningkatan pendapatan isi rumah, pengurangan kadar kemiskinan dan penambahbaikan kesejahteraan hidup rakyat Selangor secara umum.




TADBIR URUS

Berkenaan amalan **Tadbir Urus**, Selangor beriltizam untuk mentransformasikan institusi pendidikan menjadi lebih moden, berwawasan dan lestari. Dengan ini, institusi pendidikan bukan sahaja berperanan sebagai pembolehdaya tetapi juga sebagai penggerak utama dalam memudahcara pembangunan pendidikan negeri Selangor.



EKONOMI

Dari aspek **Ekonomi**, Selangor merupakan pusat perkembangan ekonomi negara sejak beberapa dekad lalu. Selangor mempunyai ekosistem pendidikan yang kukuh sebagai nadi pertumbuhan ekonomi dan destinasi utama bagi rakyat Selangor mendapatkan ilmu dari awal usia sehingga ke pengajian tinggi. Natiyahnya, perkembangan positif ini mampu menggalakkan pertumbuhan ekonomi, menarik lebih ramai pelabur dan seterusnya menyediakan peluang pekerjaan.



NILAI TERAS UTAMA

Pendidikan merupakan salah satu penanda aras terpenting dalam menentukan kualiti hidup setiap individu. Pendidikan negeri Selangor mampu mengorak langkah terhadap penjana modal insan berkualiti yang diingini. Pencapaian pendidikan bukan sahaja mencerminkan pengetahuan dan kepakaran mendalam seseorang individu dalam bidang yang diceburi tetapi juga menjadi contoh hasil pengetahuan yang terkumpul dan dipupuk sejak peringkat awal kehidupan.

Kerajaan negeri Selangor sentiasa memberikan **kerjasama**, **komitmen** dan sentiasa **prihatin** terhadap sistem pendidikan yang diamalkan di negeri ini bagi melahirkan masyarakat yang bercirikan **inovasi** dan **integriti** dalam menjalani kehidupan yang serba optimis dan beraspirasi.



NILAI S.M.A.R.T



KERJASAMA



KOMITMEN



INOVASI



PRIHATIN



INTEGRITI

5

NILAI SMART

1 KERJASAMA

Membina hubungan positif dan semangat kekitaan atau berpasukan melalui kekuatan komunikasi, kolaborasi dan kepimpinan yang padu dalam melaksanakan tugas. Bertunjangkan prinsip ikatan yang kukuh, nilai material dan spiritual yang diseimbangkan sesama manusia ditambah dengan persekitaran yang harmoni, semangat kerjasama dalam pasukan dapat direalisasikan secara optimum.



NILAI SMART

2 KOMITMEN

Sentiasa bersemangat, bertanggungjawab dan memacu perubahan teknologi baru demi meningkatkan penguasaan ilmu, bahasa dan perbezaan budaya ke arah mencapai sasaran dan hala tuju.



NILAI SMART

3 INOVASI

Mempunyai ketahanan mental, kerendahan hati, kehebatan intelek dan keazaman yang tidak berbelah bahagi dalam memupuk semangat dinamik, perintis dan berdaya usaha serta bersedia untuk menghadapi cabaran negara yang maju dari segi teknologi yang mampan dengan melahirkan masyarakat karamah insaniah.



NILAI SMART

4 PRIHATIN

Bersifat sederhana, pemurah dan penyayang serta mempunyai intuisi emosi yang peka dengan keadaan sekeliling bagi memupuk generasi berempati dan bersimpati.




NILAI SMART

5 INTEGRITI

Melaksanakan segala tanggungjawab berprinsipkan nilai-nilai amanah, ihsan, rahmah dan kemanusiaan serta membina hubungan yang berpandukan kepercayaan dan keseimbangan, iman dan ilmu, akal dan kalbu, duniawi dan ukhrawi.



MODEL STRATEGIK SELESTARI 2023-2030



KERANGKA RANCANGAN STRATEGIK

TEMA	MATLAMAT	STRATEGI					SDG
		 MEREALISASIKAN PENDIDIKAN SEPANJANG HAYAT	 MENTRANSFORMASIKAN PENDIDIKAN	 MEMBANGUNKAN MODAL INSAN BERKUALITI	 MENGINTEGRASIKAN INFRASTRUKTUR	 MELESTARIKAN HUBUNGAN STRATEGIK	
 Sosial	01 Memperluaskan program dan peluang pembelajaran awal kanak-kanak dan pendidikan berkeperluan khas.			✓	✓	✓	
	02 Meningkatkan peluang warga emas untuk belajar dan menyumbang dalam program pendidikan.	✓					
	03 Meningkatkan kesihatan, keselamatan dan kesejahteraan semua pelajar.			✓	✓	✓	
 Tadbir Urus	04 Meningkatkan bilangan pendidik, guru, pakar dan profesional bertauliah dan/atau berkeelayakan dalam bidang kritikal.	✓		✓			
 Ekonomi	05 Meningkatkan peratusan pelajarmelanjutkan pengajian.		✓	✓		✓	
	06 Meningkatkan kebolehpasaran graduan, kelayakan profesional dan penempatan ke dalam industri strategik.		✓	✓	✓		

MATLAMAT

6

- 01 **Memperluaskan program dan peluang pembelajaran awal kanak-kanak dan pendidikan berkeperluan khas.**
- 02 **Meningkatkan peluang warga emas untuk belajar dan menyumbang dalam program pendidikan.**
- 03 **Meningkatkan kesihatan, keselamatan dan kesejahteraan semua pelajar.**
- 04 **Meningkatkan bilangan pendidik, guru, pakar dan profesional bertauliah dan / atau berkelayakan dalam bidang kritikal.**
- 05 **Meningkatkan peratusan untuk melanjutkan pengajian.**
- 06 **Meningkatkan kebolehpasaran graduan, kelayakan profesional dan penempatan ke dalam industri strategik.**

MATLAMAT



Memperluaskan Program dan Peluang Pembelajaran Awal Kanak-Kanak Dan Pendidikan Berkeperluan Khas



Sosial



4 QUALITY EDUCATION



MEMBANGUNKAN MODAL
INSAN BERKUALITI



MENINGTEGRASIKAN
INFRASTRUKTUR



MELESTARIKAN
HUBUNGAN STRATEGIK

Melalui asuhan dan pendidikan yang sesuai, minda kanak-kanak seawal usia dan murid berkeperluan khas dapat dirangsangkan, sikap dan emosi yang positif dapat dibina, serta kreativiti dan pemikiran kritikal dapat dijana. Berpandu kepada asas ini, kanak-kanak seawal usia dan murid berkeperluan khas akan lebih bersedia untuk menghadapi alam persekolahan dan melayari hidup dengan masyarakat setelah tamat pengajian. Hasil kajian jangka panjang mendapati pelaburan pada peringkat awal kanak-kanak dan tumpuan kepada murid berkeperluan khas memberi pulangan yang positif kepada kerajaan dan masyarakat kerana generasi inilah yang akan menyambung perjuangan legasi pendidikan negeri Selangor khususnya.

MATLAMAT

**Meningkatkan Peluang Warga Emas Untuk Belajar Dan Menyumbang Dalam Program Pendidikan****MEREALISASIKAN
PENDIDIKAN SEPANJANG HAYAT**

Pelaksanaan program pendidikan sepanjang hayat yang lebih berimpak dan sistematik mampu memberikan peluang kedua kepada warga emas yang dahulunya tidak berpeluang melanjutkan pengajian ke peringkat lebih tinggi. Selain itu, warga emas yang mempunyai pendidikan tinggi dan berpengalaman di peringkat pengurusan dan pentadbiran kanan organisasi boleh menyumbang dalam aktiviti penyampaian pendidikan. Inisiatif-inisiatif ini memberikan peluang lebih luas sekali gus dapat meningkatkan kualiti hidup warga emas. Melalui program ini, ia mampu menyumbang secara positif dengan memupuk minat dan menyemai bakat untuk kehidupan yang lebih bermakna. Pendidikan tidak hanya terhad kepada usia muda, tetapi perlu dilanjutkan sepanjang hayat.

MATLAMAT



Meningkatkan Kesihatan, Keselamatan Dan Kesejahteraan Semua Pelajar



Sosial



3 GOOD HEALTH AND WELL-BEING



MEMBANGUNKAN MODAL
INSAN BERKUALITI



MENGINTEGRASIKAN
INFRASTRUKTUR



MELESTARIKAN
HUBUNGAN STRATEGIK

Kesihatan, keselamatan dan kesejahteraan pelajar ditakrif sebagai keadaan fizikal sempurna, mental dan sosial yang tidak mempunyai sebarang penyakit atau keuzuran kepada pelajar tidak kira umur. Hal ini merupakan satu keadaan yang selamat dan bebas daripada bahaya termasuk ancaman penyakit, kecederaan dan risiko kepada pelajar. Keadaan institusi, kemudahan dan sarana pendidikan yang selamat dapat melahirkan budaya pembelajaran yang responsif dari segi sosial, perkembangan emosi dan intelek pelajar. Suasana persekitaran institusi pendidikan yang selamat dapat membentuk emosi yang positif kepada pelajar dan seterusnya meningkatkan kesejahteraan diri pelajar dalam jangka masa yang panjang.

MATLAMAT



Meningkatkan Bilangan Pendidik, Guru, Pakar Dan Profesional Bertauliah Dan / Atau Berkelayakan Dalam Bidang Kritikal



Tadbir Urus

MEREALISASIKAN
PENDIDIKAN SEPANJANG HAYATMEMBANGUNKAN
MODAL INSAN BERKUALITI

Warga pendidik, guru, pakar dan profesional bertauliah seharusnya sedar bahawa generasi masyarakat baharu adalah "*digital natives*" dan penyampaian ilmu pengetahuan, kemahiran dan nilai murni seharusnya dipacu dengan cara dan gaya terkini. Kumpulan ini harus bersifat lebih terbuka serta berani dalam membuat sebarang perubahan. Objektifnya adalah untuk memperkasakan proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) dengan memanfaatkan teknologi terkini dan memupuk budaya pemikiran kreatif, dengan penekanan khusus pada bidang kritikal.


MATLAMAT



Meningkatkan Peratusan Untuk Melanjutkan Pengajian



Ekonomi



8 DECENT WORK AND ECONOMIC GROWTH



MENTRANSFORMASIKAN
PENDIDIKAN



MEMBANGUNKAN
MODAL INSAN BERKUALITI



MELESTARIKAN
HUBUNGAN STRATEGIK

Trend melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi bukan lagi pilihan utama belia lepasan sekolah dan perkara ini perlu diambil perhatian sewajarnya. Generasi Z mempunyai dilema tidak berminat menyambung pengajian setelah tamat sekolah menengah. Faktor-faktor seperti kekangan kewangan yang dihadapi keluarga, kerisauan ketiadaan peluang pekerjaan selepas pengajian, mentaliti pendidikan tidak menjamin masa hadapan dan gaji tidak setimpal dengan masa serta kelayakan merupakan antara punca utama generasi muda tidak mahu menyambung pelajaran ke peringkat lebih tinggi. Melihat situasi membimbangkan ini, sudah tiba masanya sektor pendidikan negeri Selangor melalui institusi dan agensi terbabit bertindak lebih agresif mencari jalan penyelesaian membantu generasi ini agar lebih yakin dalam membuat keputusan untuk menyambung pengajian. Sekurang-kurangnya mereka mampu mengecapi perubahan dalam gred perjawatan ke tahap lebih tinggi serta memperolehi kenaikan gaji yang dicita sekaligus meningkatkan taraf hidup mereka dan keluarga.

MATLAMAT

06

Meningkatkan Kebolehpasaran Graduan, Kelayakan Profesional dan Penempatan ke dalam Industri Strategik



Ekonomi



8 DECENT WORK AND ECONOMIC GROWTH

MENTRANSFORMASIKAN
PENDIDIKANMEMBANGUNKAN
MODAL INSAN BERKUALITIMENGINTEGRASIKAN
INFRASTRUKTUR

Inisiatif ini mampu meningkatkan kebolehpasaran graduan yang dirangka secara komprehensif dengan matlamat untuk menghasilkan graduan yang kalis masa hadapan, holistik dan seimbang dengan nilai kebolehpasaran global. Tuntasnya, pelan yang berimpak tinggi ini wajar dijadikan panduan oleh semua institusi dan agensi pendidikan dalam usaha meningkatkan kebolehpasaran graduan masing-masing. Kadar kebolehpasaran graduan berfungsi sebagai cerminan bagi ekosistem pendidikan negeri Selangor yang teguh. Hal ini menunjukkan keupayaan ekosistem untuk menghasilkan kumpulan graduan berkemahiran tinggi dan berkeelayakan profesional serta berkualiti dalam memenuhi permintaan tenaga kerja industri strategik yang dinamik. Indikasi ini adalah bukti komitmen ekosistem yang tidak berbelah bahagi untuk memupuk bakat luar biasa, memastikan kesediaan kebolehpasaran graduan dan menyelaraskannya dengan keperluan majikan dan industri yang semakin berkembang.

STRATEGI

5



Merealisasikan Pendidikan Sepanjang Hayat



Mentransformasikan Pendidikan



Membangunkan Modal Insan Berkualiti



Mengintegrasikan Infrastruktur



Melestarikan Hubungan Strategik

STRATEGI

1



MEREALISASIKAN PENDIDIKAN SEPANJANG HAYAT

Pendidikan sepanjang hayat merupakan perkara penting dalam alaf pemodenan pada hari ini. Sejak peringkat awal kehidupan, kanak-kanak didedahkan dengan pelbagai bentuk pendidikan yang disampaikan oleh ibu bapa dan masyarakat sekeliling. Perjalanan pendidikan sepanjang hayat ini bermula dari saat kelahiran, merentasi pelbagai disiplin seperti Agama, Sains, Matematik, Sains Semula jadi, Sejarah dan seterusnya, merangkumi pendidikan di peringkat tertinggi. Dalam komuniti pinggir bandar, terdapat usaha yang gigih untuk mencapai kewujudan lebih tinggi, terutamanya melalui penyebaran pengetahuan pendidikan kepada kanak-kanak, kerana generasi ini berpotensi untuk mengubah kehidupan mencabar kepada masa hadapan yang lebih cerah. Mengejar kualiti kehidupan luar biasa bergantung kepada kualiti pendidikan kerana pendidikan diiktiraf sebagai pemangkin penting untuk mengubah impian yang diinginkan menjadi realiti.

STRATEGI 2



MENTRANSFORMASIKAN PENDIDIKAN

Dalam beberapa tahun kebelakangan ini, sektor industri pendidikan di negeri Selangor telah mengalami evolusi luar biasa, bertujuan untuk mewujudkan sistem pendidikan bertaraf dunia. Keadaan ini didorong oleh komitmen untuk meningkatkan taraf pendidikan rakyat Selangor, sejajar dengan usaha mencapai kecemerlangan dalam mentransformasikan Selangor menjadi negeri maju yang berjaya. Tambahan pula, transformasi sistem pendidikan yang lebih komprehensif berpotensi untuk memupuk masyarakat yang berdaya saing dan berpengetahuan, meningkatkan minda ke arah pemikiran kelas pertama. Cabaran ini telah menyemarakkan semangat kesediaan dalam kalangan rakyat Selangor, mendorong mereka untuk merangkul usaha mencapai tahap pendidikan tertinggi bertaraf dunia dalam usaha meningkatkan kualiti hidup yang lebih baik.

STRATEGI

3



MEMBANGUNKAN MODAL INSAN BERKUALITI

Pendidikan yang baik serta bersesuaian dengan minat seseorang mampu mengubah kehidupan dalam memerangi kemelut kemiskinan yang melanda sesebuah keluarga. Pendidikan, berfungsi sebagai pemangkin, memainkan peranan penting dalam memupuk modal insan berkualiti tinggi, membuka jalan ke arah kehidupan yang sejahtera. Pendidikan juga berfungsi sebagai faktor utama dalam memupuk kemajuan ekonomi dengan mewujudkan peluang pekerjaan yang sesuai dan sejajar dengan ilmu pengetahuan dan kemahiran peribadi individu, sekaligus memacu peningkatan dalam pertumbuhan ekonomi keseluruhan.

STRATEGI 4



MENGINTEGRASIKAN INFRASTRUKTUR

Kemunculan Revolusi Perindustrian Keempat (IR 4.0) dan era Ekonomi Digital telah mendorong Kerajaan Malaysia untuk secara aktif meneruskan kejayaan Rangka Tindakan Ekonomi Digital Malaysia (MyDigital). Fenomena Industri 4.0, yang didorong oleh revolusi digital dan internet, melangkaui batasan sektor pembuatan dan meluaskan pengaruhnya ke dalam sektor pendidikan. Industri 4.0 berfungsi sebagai pemangkin untuk transformasi pendidikan, dicirikan oleh kemajuan robot berautonomi (*autonomous robotic*), data raya (*big data*), teknologi realiti luasan (*augmented reality*), perkomputeran awan (*cloud computing*), Internet Benda (*internet of things*), percetakan 3D, keselamatan siber, simulasi, kecerdasan buatan (AI) dan integrasi sistem digital. Institusi pendidikan dan teknikal serta industri perlu bekerjasama bagi memupuk pembangunan bakat yang seiring dengan kemajuan dalam teknologi baru, pendigitalan dan bidang kejuruteraan. Ini adalah bagi melengkapkan graduan dengan kemahiran dan kepakaran yang diperlukan untuk berkembang maju dalam pasaran kerja yang dikaitkan dengan pengeluaran pintar.

STRATEGI 5



MELESTARIKAN HUBUNGAN STRATEGIK

Hubungan strategik melalui pendekatan model inovasi hibrid yang terjalin memudahkan golongan sasaran mampu mengikuti program pendidikan yang dianjurkan di negeri Selangor. Pelaksanaan sistem pendidikan yang disediakan kepada semua golongan mampu mengikut permintaan semasa, peluang pekerjaan, suasana persekitaran dan kesesuaian kehidupan dalam menjalani kehidupan yang lebih mencabar. Rakyat Selangor yang penuh ilmu pengetahuan mampu menyumbang secara positif dalam aspek sosial, tadbir urus dan ekonomi.

PELAN TINDAKAN

MATLAMAT

01

Memperluaskan program dan peluang pembelajaran awal kanak-kanak dan pendidikan berkeperluan khas



KLUSTER

• Pendidikan Awal, OKU dan Warga Emas

STRATEGI



**MEMBANGUNKAN
MODAL INSAN
BERKUALITI**



**MENGINTEGRASIKAN
INFRASTRUKTUR**



**MELESTARIKAN
HUBUNGAN STRATEGIK**

**INISIATIF
STRATEGIK**

IS-1

AOE

**Pemerkasaan
modal insan
pengasuhan anak**

**Objektif
1**

Mewujudkan peluang pekerjaan kepada pekerja kepada pengasuh di rumah yang terlatih dan diiktiraf.

IS-2

AOE

**Pemurnian dan
pengintegrasian data**

**Objektif
2**

Meningkatkan kemampuan sistem pangkalan data untuk menghasilkan "big data analytics" yang memberi solusi dan jawapan kepada permasalahan dan isu

IS-3

AOE

**Pengukuhan jaringan
dan sistem sokongan
pendidikan inklusif**

**Objektif
3**

Meningkatkan aktiviti perhubungan awam dan penyebaran maklumat mengenai kemudahan pendidikan dan peluang kerjaya

PEMANGKIN

• Kerjasama rakan strategik dalaman dan luaran, sektor awam dan swasta serta NGO

JANGKA MASA



PELAN TINDAKAN

MATLAMAT  Meningkatkan peluang warga emas untuk belajar dan menyumbang dalam program pendidikan



KLUSTER • Pendidikan Awal, OKU dan Warga Emas

STRATEGI  **MEREALISASIKAN PENDIDIKAN SEPANJANG HAYAT**

INISIATIF STRATEGIK **IS-4** Memperkasa pendidikan dan penglibatan warga emas
AOE

Objektif 4 Meningkatkan aktiviti pendidikan kepada golongan warga emas yang membolehkan mereka menyumbang kepada komuniti

PEMANGKIN • Institut Penyelidikan Penuaan Malaysia
• Kerjasama rakan strategik dalaman dan luaran, sektor awam dan swasta serta NGO

JANGKA MASA 

PELAN TINDAKAN

MATLAMAT 03 Meningkatkan kesihatan, keselamatan dan kesejahteraan semua pelajar



KLUSTER

- Pendidikan Awal, OKU dan Warga Emas
- Pendidikan Rendah dan Menengah
- Program Sokongan Pendidikan

STRATEGI



**MEMBANGUNKAN
MODAL INSAN
BERKUALITI**



**MENGINTEGRASIKAN
INFRASTRUKTUR**



**MELESTARIKAN
HUBUNGAN STRATEGIK**

INISIATIF STRATEGIK

IS-5
PRM

**Melahirkan murid
yang holistik dan
cerdas emosi**

IS-6
AOE

**Penarafan kualiti dan
geran padanan**

IS-7
PRM

**Peningkatan sokongan
PIBK dalam pendidikan**

**Objektif
5**

Menurunkan statistik
gejala sosial dan
kesihatan mental
golongan remaja di
Selangor daripada
14.3% kepada 10%
(pengurangan 4.3%)

**Objektif
6**

Menetapkan standard
kualiti bagi taska di
Selangor untuk tujuan
pemberian insentif
geran padanan

**Objektif
7**

Meningkatkan aktiviti yang
menguatkan keprihatinan,
komitmen dan kerjasama
PIBK dalam pendidikan
rendah dan menengah

IS-8
PSP

**Memperkenalkan
Pelancongan Pendidikan
(Education tourism)**

**Objektif
8**

Melahirkan guru, murid dan
komuniti yang mencintai
ilmu disamping dapat
menjana ekonomi negara

PEMANGKIN

- Kerjasama rakan strategik dalaman dan luaran, sektor awam dan swasta serta NGO

JANGKA MASA



PELAN TINDAKAN

MATLAMAT	04 Meningkatkan bilangan pendidik, guru, pakar dan profesional bertauliah dan / atau berkekeluargaan dalam bidang kritikal
KLUSTER	• Pendidikan Awal, OKU dan Warga Emas • Pendidikan Rendah dan Menengah • Pendidikan Tinggi • Pendidikan Ikhtisas
STRATEGI	 MEREALISASIKAN PENDIDIKAN SEPANJANG HAYAT  MEMBANGUNKAN MODAL INSAN BERKUALITI
INISIATIF STRATEGIK	IS-9 AOE Pemeriksaan modal insan pendidikan awal, OKU dan warga emas Objektif 9 Meningkatkan aktiviti dan platform untuk mendaya upayakan tenaga pengajar, ibubapa dan sukarelawan di seluruh Selangor untuk memperkasa pendidikan sepanjang hayat IS-10 PRM Melahirkan pendidik dan pihak berkepentingan yang proaktif dan bertindakbalas Objektif 10 Meningkatkan penglibatan pendidik dan pihak berkepentingan di dalam bengkel serta program yang dianjurkan IS-11 PTG, PIK Pembangunan dan Latihan Tenaga Pakar Objektif 11 Meningkatkan jumlah tenaga pakar yang berkekeluargaan akademik Sarjana dan Ph.D. serta mempunyai kelayakan profesional dan pengalaman atau pendedahan industri
PEMANGKIN	• Kerjasama rakan strategik dalaman dan luaran, sektor awam dan swasta serta NGO
JANGKA MASA	 IS-9, IS-10, IS-11 2023 2024 2027 2030



MATLAMAT 05 Meningkatkan peratusan untuk melanjutkan pengajian

KLUSTER

- Pendidikan Rendah dan Menengah
- Pendidikan Tinggi
- Pendidikan Ikhtisas
- Dana Tajaan Pendidikan

STRATEGI



MENTRANSFORMASIKAN PENDIDIKAN



MEMBANGUNKAN MODAL INSAN BERKUALITI



MELESTARIKAN HUBUNGAN STRATEGIK

INISIATIF STRATEGIK

IS-12
PRM

Meningkatkan minat murid dalam program STEM & TVET

Objektif 12

Meningkatkan enrolmen STEM dan TVET Selangor dengan kadar kenaikan 3% tahun-ke-tahun

IS-15
DTP

Mengagihkan dana tajaan secara lebih strategik

Objektif 15

Meningkatkan kecekapan dan keberkesanan pengurusan dana tajaan untuk memastikan pengagihan yang tepat dan telus

IS-17
PTG, PRM

Menggiatkan program pemasaran bersepadu

Objektif 17

Meningkatkan jumlah dan kadar tahun-ke-tahun kemasukan pelajar ke IPT milik negeri

IS-13
PIK

Menggiatkan Program Pengenalan TVET (Kursus Pendek)

Objektif 13

Menjadikan budaya dan warisan yang berkaitan dengan TVET sebagai satu identiti

IS-16
DTP

Pembangunan dan penyelidikan ke arah inovasi pendidikan tinggi

Objektif 16a

Memperkasakan pembangunan institusi milik Kerajaan Negeri Selangor melalui penambahbaikan fasiliti pembelajaran dan pembangunan modul bagi menyediakan persekitaran pembelajaran yang kondusif

IS-16
DTP

Pembangunan dan penyelidikan ke arah inovasi pendidikan tinggi

Objektif 16b

Menggalakkan kerjasama inter-universiti dan mewujudkan komuniti pendidikan yang kondusif

IS-14
PRM, PTG, PIK

Meningkatkan kompetensi guru dan kementerian murid

Objektif 14

Meningkatkan enrolmen STEM, bakat seni dan kemahiran komunikasi dengan kadar kenaikan 3% tahun-ke-tahun


Objektif 16c

Menggalakkan program pembangunan dan penyelidikan melalui penyaluran geran dan expo R&D

PEMANGKIN

- Kerjasama rakan strategik dalaman dan luaran, sektor awam dan swasta serta NGO
- Peruntukan kewangan tahunan
- Pemampatan SOP

JANGKA MASA



PELAN TINDAKAN

MATLAMAT

- 06** Meningkatkan kebolehpasaran graduan, kelayakan profesional dan penempatan ke dalam industri strategik

KLUSTER

- PENDIDIKAN TINGGI
- PENDIDIKAN IKHTISAS

STRATEGI



MENTRANSFORMASIKAN PENDIDIKAN



MEMBANGUNKAN MODAL INSAN BERKUALITI



MENGINTEGRASIKAN INFRASTRUKTUR

INISIATIF STRATEGIK

IS-18
PTG, PIK

Program strategik R&D dan hubungan industri

Objektif 18

Meningkatkan penghasilan penyelidikan, pengkomersilan dan inovasi teknologi yang berimpak tinggi kepada industri

IS-20
PIK

Pengukuhan program pembangunan keusahawanan bidang STEM dan TVET

Objektif 20

Meningkatkan kadar dan jumlah usahawan dan perniagaan kecil dari atau berkaitan bidang STEM dan TVET

IS-21
PTG, PIK

Pembangunan Database secara berpusat

Objektif 21

Mengautomasi pemadanan antara penawaran dan permintaan tenaga kerja dan graduan agar pemadanan menjadi lebih berkesan dan mengurangkan pengangguran atau pembaziran guna tenaga

IS-19
PTG

Pemeriksaan bidang pengkhususan setiap IPT bagi menyokong teknologi negeri Pintar

Objektif 19

Melahirkan graduan yang kompeten dan berkemahiran untuk menyokong pertumbuhan industri strategik yang memacu pembangunan negeri pintar

IS-22
PTG, PIK

Pembangunan pusat kecemerlangan inovasi industri yang menghasilkan inovasi baru dan aplikasi teknologi, serta menawarkan program pendidikan dan inkubasi industri

Objektif 22

Pembangunan bakat berkemahiran dan berpotensi tinggi bagi memenuhi permintaan dan keperluan industri strategik negeri

PEMANGKIN

- Kerjasama rakan strategik dalaman dan luaran, sektor awam dan swasta serta NGO

JANGKA MASA



RINGKASAN RANCANGAN STRATEGIK

TEMA 	SELESTARI 2023 - 2030 SELANGOR STRATEGIC EDUCATION PLAN	MATLAMAT	STRATEGI	INISIATIF STRATEGIK	OBJEKTIF	SDG 
 Sosial		3	4	8	8	 
 Tadbir Urus		1	2	3	3	
 Ekonomi		2	4	11	13	

TERMA RUJUKAN

01

KLUSTER PENDIDIKAN AWAL, OKU & WARGA EMAS

Bertindak sebagai jawatankuasa yang merancang, melaksanakan dan memantau program dan aktiviti pendidikan pra sekolah, warga emas dan OKU, seiring dengan visi dan objektif Jawatankuasa Tetap Pendidikan Negeri Selangor.

KOORDINATOR: YAWAS

02

KLUSTER PENDIDIKAN RENDAH & MENENGAH

Bertindak sebagai jawatankuasa yang merancang, melaksana dan memantau program dan aktiviti pendidikan peringkat rendah dan menengah, seiring dengan visi dan objektif Jawatankuasa Tetap Pendidikan Negeri Selangor.

KOORDINATOR: YAYASAN SELANGOR

03

KLUSTER PENDIDIKAN TINGGI

Bertindak sebagai jawatankuasa yang merancang, melaksana dan memantau program dan aktiviti pendidikan tinggi, seiring dengan visi dan objektif Jawatankuasa Tetap Pendidikan Negeri Selangor.

KOORDINATOR: UIS

04

KLUSTER PENDIDIKAN IKHTISAS

Bertindak sebagai jawatankuasa yang merancang, melaksana dan memantau program dan aktiviti pendidikan kemahiran TVET, IR4.0 dan IKHTISAS, seiring dengan visi dan objektif Jawatankuasa Tetap Pendidikan Negeri Selangor.

KOORDINATOR: STDC

05

KLUSTER PROGRAM SOKONGAN PENDIDIKAN

Bertindak sebagai jawatankuasa yang mengkaji dan menasihati Jawatankuasa Tetap Pendidikan Negeri Selangor berkenaan program dan aktiviti sokongan pendidikan yang dilaksanakan di bawah tanggung jawab Jawatankuasa Tetap Pendidikan Negeri Selangor.

KOORDINATOR: PPAS

06

KLUSTER DANA TAJAAN PENDIDIKAN

Bertindak sebagai jawatankuasa yang mengkaji dan menasihati Jawatankuasa Tetap Pendidikan Negeri Selangor berkenaan program dan aktiviti penajaan pendidikan yang dilaksanakan di bawah tanggung jawab Jawatankuasa Tetap Pendidikan Negeri Selangor.

KOORDINATOR: UPEN

EPILOG

Pendidikan diberikan tumpuan utama dalam Rancangan Selangor Pertama dan menjadi salah satu faktor pemacu perubahan ataupun '*game changer*' untuk mencapai Visi dan Misi Rancangan Selangor Pertama. Strategi 19 (Memastikan akses pendidikan sama rata untuk semua), Strategi 20 (Memperluas program pendidikan tambahan untuk meningkatkan prestasi pelajar) dan Strategi 21 (Memastikan landskap pendidikan tinggi sejajar dengan permintaan tenaga kerja dalam industri) telah disusun rapi agar bidang pendidikan menjadi tumpuan utama untuk meningkatkan kebolehcapaian pendidikan, meningkatkan kadar belia dan modal insan yang berjaya menamatkan persekolahan sekaligus menambah baik kesejahteraan mereka, memupuk minat mendalam pelajar terhadap subjek Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) melalui pelbagai program STEM dan menambah baik pendidikan yang bukan bersifat akademik melalui program pembinaan sahsiah, inovasi dan kreatif serta mewujudkan tenaga kerja yang saling memacu dan dipacu oleh industri.

SELESTARI 2023-2030 telah memanjang dan menyelaraskan strategi-strategi berkaitan Pendidikan dalam Rancangan Selangor Pertama dengan meneruskan



EPILOG

program-program yang bermanfaat dan telah menunjukkan hasil dan impak yang baik serta mengintegrasikan beberapa komponen dan program-program kluster agar kebolehcapaiannya lebih komprehensif, holistik dan bersepadu. Selain itu, SELESTARI 2023-2030 merangkumi konteks pendidikan secara lebih menyeluruh, bermula dari peringkat awal kehidupan; pada saat kelahiran, merentasi pelbagai disiplin ilmu seperti Agama, Sains, Matematik, Sains Semula Jadi, Sejarah dan seterusnya, meliputi pendidikan peringkat tertinggi sehingga ke usia tua. Pelaksanaan sistem pendidikan yang disediakan juga merangkumi semua golongan mengikut permintaan semasa, suasana persekitaran dan kesesuaian tahap kehidupan.

Strategi-strategi SELESTARI 2023-2030 iaitu merealisasikan pendidikan sepanjang hayat, mentransformasikan pendidikan, membangunkan modal insan yang berkualiti, mengintegrasikan infrastruktur dan melestarikan hubungan strategik, apabila strategi-strategi tersebut dilaksanakan melalui pelbagai program dan aktiviti-aktiviti yang



EPILOG

tersusun rapi dan bersepadu akan menghasilkan impak dan pencapaian matlamat-matlamat yang menggiring kepada pencapaian visi Pendidikan Berkualiti Sepanjang Hayat, Institusi Unggul, Modal Insan Holistik. Kesenambungan perancangan dan pelaksanaan yang efisien dan efektif pastinya akan membuahkan hasil yang bermanfaat untuk segenap lapisan rakyat negeri Selangor khususnya dan rakyat Malaysia umumnya.



GLOSARI

Terma	Definisi
3D	Reka bentuk tiga dimensi
AOE	Pendidikan Awal, OKU dan Warga Emas
COVID19	Penyakit Koronavirus, SARS-CoV-2 yang ditemui pada tahun 2019
<i>Digital Natives</i>	Merujuk kepada golongan muda yang berusia 15 hingga 24 tahun yang sekurang-kurangnya 5 tahun aktif menggunakan internet.
DTP	Dana Tajaan Pendidikan
<i>Game Changer</i>	Pengubah keadaan
IS	Inisiatif Strategik
<i>Lead Agency</i>	Agensi Peneraju
OKU	Orang Kurang Upaya
NGO	Pertubuhan bukan kerajaan
PdP	Proses pengajaran dan pembelajaran
PIK	Pendidikan Ikhtisas
PPAS	Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor
PRM	Pendidikan Rendah dan Menengah
PSP	Program Sokongan Pendidikan

Terma	Definisi
PTG	Pendidikan Tinggi
R&D	Penyelidikan dan pembangunan
SDG	Matlamat pembangunan lestari
SOP	Prosedur Operasi Standard
STDC	Pusat Pembangunan Kemahiran Teknikal Negeri Selangor
STEM	Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik
TVET	Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) merangkumi pembelajaran formal, tidak formal dan tidak formal yang menyediakan golongan muda dengan pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan dalam dunia pekerjaan
UIS	Universiti Islam Selangor
UPEN	Unit Perancang Ekonomi Negeri
YAWAS	Yayasan Warisan Anak Selangor



**JAWATANKUASA TETAP
PENDIDIKAN NEGERI SELANGOR**